

## BERITA HARIAN

# Kampung Melayu Subang dilanda banjir kilat 1 meter

→ Penduduk mahu kerajaan negeri ambil tindakan segera atasi masalah

Oleh Norashikin Leman

bhnews@bh.com.my

► Subang

Hujan lebat kira-kira enam jam menyebabkan beberapa kawasan perumahan di Kampung Melayu Subang di sini dinaiki air lebih satu meter, semalam.

Hujan sejak jam 2 pagi itu menyebabkan kira-kira 500 rumah di Jalan Chengal, Jalan Jati, Jalan Jambatan Resak, Jalan Merbau dan Jalan Cempaka terjejas, memaksa pemilik rumah mengalih kelengkapan ke tempat lebih tinggi.

Penduduk, Tunjiah Thotah, 56, berkata isu banjir setiap kali hujan lebat sudah membenggu penduduk sejak 10 tahun lalu, namun sehingga sekarang tiada tindakan diambil oleh pihak bertanggungjawab untuk mengatasinya.

"Hati saya mula bimbang ketika bangun untuk menunaikan solat Subuh. Rumah saya mula dimasuki air sekitar jam 6.30 pagi. Kali terakhir rumah saya dimasuki air ialah pada pertengahan tahun lalu.

**Tidak pasti punca banjir kilat**  
"Sampai bila saya sekeluarga perlu berjaga-jaga setiap kali hujan lebat? Saya tidak pasti punca banjir kilat berulang tetapi saya minta kerajaan negeri segera atasi isu ini," katanya ketika ditemui BH, di sini.

Arpizin Ahmad, 43, berkata dia sekeluarga tidak lena tidur sejak jam 2 pagi kerana bimbang air memasuki rumahnya.

"Kami awal-awal lagi sudah memindahkan kelengkapan rumah. Memang banjir kilat ini tidak

membabitkan kerugian besar kerana sudah dijangka, tetapi kami penat apabila perlu membersihkan rumah dan perabot yang diselaputi lumpur," katanya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata pihaknya sedang mencari jalan penyelesaian serta mengenal pasti punca banjir kilat sering berlaku di kawasan berkenaan.

"MBSA juga akan bekerjasama dengan pejabat tanah daerah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membantu penduduk yang terjejas. Pada masa sama, Pasukan Pantas MBSA juga sudah ditempatkan di beberapa lokasi bagi memantau situasi serta menggerakkan bantuan jika keadaan memerlukan," katanya.